




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 3 – 6 SEPTEMBER 2021

BIL. 36 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 6 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,591,028** atau 85.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **252,668 kes yang masih aktif**. Kes baharu dicatatkan sebanyak **17,352 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,862,187 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **17,344 kes** daripada catatan harian dengan **87.2 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **43.4 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (16.4 peratus), Zon Selatan (15.9 peratus), Zon Utara (15.2 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Sarawak** iaitu **3,714 kes** disusuli Selangor (2,126 kes), Johor (2,101 kes), Sabah (1,844 kes), Kedah (1,599 kes), Pulau Pinang (1,558 kes) dan Kelantan (1,213 kes). Sejumlah **18,491 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **272 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **393 kes** yang dicatatkan pada 26 Ogos 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 5 september 2021 menunjukkan seramai **20,088,905** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,006,362** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,739,264. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,287,302), Sarawak (1,852,072), Sabah (1,655,904), Perak (1,356,528) dan Pulau Pinang (1,192,801). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 36.4 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - **USA: Penciptaan pekerjaan USA paling rendah dalam tempoh tujuh bulan pada Ogos** apabila pengambilan pekerja di sektor rekreasi dan

perhotelan terhenti dengan peningkatan jangkitan COVID-19, yang membebani permintaan di restoran dan hotel. Pada masa yang sama, statistik lain yang diterbitkan Labor Department menunjukkan kadar pengangguran turun 17 bulan terendah pada kadar 5.2% dan pertumbuhan pekerjaan Julai meningkat tinggi. Upah meningkat 0.6% dan hanya sedikit orang yang mengalami pengangguran yang panjang. (Reuters)

- **USA: Indeks Perkhidmatan bertumbuh lebih perlahan pada bulan Ogos.** Laporan Institute for Supply Management menunjukkan sektor Perkhidmatan US perlahan dari Ogos. ISM mengatakan PMI perkhidmatannya jatuh ke 61.7 pada bulan Ogos setelah mencapai paras tertinggi sepanjang masa, 64.1 pada bulan Julai. (RTT)
- **EU: Aktiviti perniagaan Eurozone kekal mengukuh pada bulan Ogos** walaupun terdapat kebimbangan mengenai varian Delta COVID-19 dan masalah rantaian bekalan. Tinjauan turut menunjukkan ekonomi EU dijangka dapat kembali ke tahap sebelum COVID-19 pada akhir tahun 2021. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) IHS Markit menurun kepada 59.0 bulan lalu dari paras tertinggi 15 tahun pada 60.2 pada Julai 2021. (Reuters)
- **EU: Pertumbuhan sektor swasta Eurozone menjadi sederhana pada Ogos.** Sektor swasta Eurozone mencatat pertumbuhan kukuh pada Ogos lalu tetapi momentumnya sedikit memudar dari puncak 15 tahun pada Julai 2021. Data IHS Markit menunjukkan indeks keluaran komposit turun ke 59.0 pada bulan Ogos daripada 60.2 pada bulan Julai. (RTT)
- **UK: Pertumbuhan sektor perkhidmatan perlahan pada Ogos,** sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan dan normalisasi permintaan pelanggan setelah pelonggaran pembatasan pandemik COVID-19. Indeks Pengurus Pembelian perkhidmatan akhir Chartered Institute of Procurement & Supply merosot kepada 55.0 daripada 59.6 pada bulan sebelumnya. (RTT)
- **CHINA: Aktiviti perkhidmatan Ogos merosot - PMI Caixin.** Tinjauan oleh penganalisis swasta menunjukkan aktiviti perkhidmatan China merosot pada bulan Ogos apabila pelaksanaan sekatan untuk mengekang varian COVID-19 Delta. PMI sektor Perkhidmatan Caixin/Markit jatuh ke 46.7 pada Ogos dari 54.9 pada bulan Julai, jatuh ke tahap terendah sejak April 2020. (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Langkah Kerajaan membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program gelembung perjalanan menerusi projek rintis di Pulau Langkawi bermula 16 September 2021** memberi sinar kepada pemulihan industri penerbangan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Aviation Group (MAG) program tersebut merupakan langkah pemulihan bagi sektor pelancongan domestik sekali gus membantu meningkatkan sosio ekonomi rakyat.
2. **Ekonomi Malaysia dijangka stabil menjelang suku keempat serta ringgit meningkat kepada paras 3.67 dan 4.10 berbanding dolar AS.** Ini berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Negara untuk meringankan sekatan bagi operasi sektor ekonomi menurut ahli ekonomi global. Selain itu, sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
3. **Pembayaran Bantuan Khas COVID-19 (BKC) mula disalurkan pada 6 September 2021.** BKC akan dibayar secara berperingkat dengan bayaran fasa satu dikreditkan bermula hari ini dan dijangka selesai pada 10 September 2021. **BKC Fasa 1 melibatkan peruntukan sebanyak RM3.1 bilion.** YAB Perdana Menteri berkata lebih banyak bantuan akan disalurkan Kerajaan kepada rakyat bermula bulan hadapan. Antara bantuan yang akan diagihkan adalah **Bantuan Prihatin Rakyat Fasa 3 bernilai RM2.32 bilion yang akan disalurkan pada akhir September dan bantuan kehilangan pendapatan pada Oktober tahun ini.**
4. **Inventori minyak sawit Malaysia pada akhir Ogos melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh satu tahun apabila pengeluaran pulih di saat eksport mengalami kejatuhan.** Stok minyak sawit meningkat 16.3 peratus dari bulan Julai kepada 1.74 juta tan metrik, tertinggi sejak Jun tahun lalu. Pengeluaran oleh pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia meningkat 11.2 peratus kepada 1.7 juta tan metrik, meningkat pada paras tertinggi dalam tempoh 10 bulan.
5. **Pertumbuhan eksport China dijangka menjadi sederhana pada bulan Ogos** di sebalik kesesakan pelabuhan disebabkan oleh penularan terkini COVID-19. Import turut bertumbuh dengan perlahan dan akan menambahkan tekanan terhadap ekonomi kedua terbesar di dunia itu.
6. **Penang South Reclamation (PSR) akan mewujudkan 4,500 ekar tanah di tiga pulau buatan.** Kini disebut sebagai pemacu ekonomi utama untuk pemulihan pasca-coronavirus Pulau Pinang, para penciptanya

mengatakan PSR akan mewujudkan 300,000 pekerjaan dalam tempoh 30 tahun akan datang. Walau bagaimanapun, pakar alam sekitar mengatakan ketiga-tiga pulau itu yang bernama BiodiverCity akan menguburkan kawasan penangkapan ikan dan kawasan biodiversiti terkaya di negeri ini.

7. Bagi tahun 2021, **sasaran kutipan hasil cukai adalah berjumlah RM162.1 bilion, yang merupakan 10.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar.** Ia merangkumi kutipan Cukai Langsung sebanyak RM120.0 bilion dan Cukai Tidak Langsung sebanyak RM42.1 bilion.
8. **Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) menjangkakan permintaan meningkat kepada 5.95 juta tong sehari tahun ini selepas mencatatkan penurunan kira-kira sembilan juta tong sehari pada 2020 disebabkan pandemik COVID-19.**
9. **Kerjasama Aeon dengan BOXED dalam melancarkan laman web runcit dalam talian baru ‘myAeon2go’,** sejajar dengan rancangan transformasi digitalnya untuk mencapai 15 peratus hasil penjualan e-dagang dalam tempoh lima tahun yang merangkumi item runcit tetapi pada masa akan datang akan memasukkan segment *softline* dan juga *hardline*.
10. **MITI berhasrat untuk menyelesaikan imunisasi pekerja industri di bawah PIKAS pada akhir bulan ini.** Mempercepat proses vaksinasi di kalangan pekerja industri sangat penting kerana sektor pembuatan merupakan tulang belakang pertumbuhan ekonomi negara.
11. **Malaysia Airlines bersedia menawarkan penerbangan kepada penumpang yang lengkap dua dos vaksin COVID-19 susulan daripada keputusan kerajaan membenarkan Langkawi dibuka kepada pelancong bermula 16 September di bawah program gelembung perjalanan.**
12. **Pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara G20 diunjurkan berkembang 6.2 peratus pada tahun 2021 dan 4.5 peratus pada tahun 2022.** Manakala, ekonomi G20 *advance economies* diunjurkan bertumbuh masing-masing sebanyak 5.6 peratus dan 4.2 peratus dan *emerging markets* berkembang pada 5.7 peratus dan 4.1 peratus bagi tahun 2021 dan 2022.
13. **Perodua mecatatkan jualan 6,988 unit kenderaan pada Ogos berbanding hanya 655 unit pada Julai berikutan sambungan semula operasi pembuatan dan jualan selepas penutupan (*lockdown*) seluruh negara dimansuhkan pada 16 Ogos.** Sepanjang tempoh tersebut, seluruh

operasi Perodua ditangguhkan selaras dengan langkah *lockdown* bagi mengawal wabak COVID-19. Mengikut *Year to date (YTD)* Perodua mencatatkan penurunan jualan kenderaan sebanyak 12.5 peratus antara Januari dan Ogos tahun ini berbanding tahun lepas. Justeru, Perodua bercadang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk mengurangkan jurang ini, pada masa yang sama mematuhi SOP yang ditetapkan.

14. **Langkah pantas digitalisasi telah meningkatkan pengguna aktif Lazada dengan lebih 150 juta purata pengguna bulanan** dan peningkatan hampir 100 peratus tahun-ke-tahun transaksi atas taliannya. Jenama, peruncit dan pusat membeli-belah telah menyesuaikan diri dengan norma baru dengan kebanyakkan dari mereka telah berhijrah ke dalam talian. Menurut Lazada, perkara seperti ini dijangka akan berlaku, namun keadaan pandemik telah mempercepatkan impak digital kepada pengguna dan peniaga. Ini turut dipacu dengan lebih 70 peratus populasi Asia tenggara menggunakan internet.
15. **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** telah membayar lebih **RM18 bilion dalam bentuk subsidi upah dan elaun pencarian** pekerjaan menerusi insentif yang disediakan di bawah tujuh pakej rangsangan. PERKESO telah membangun strategi tiga serangkai bermula pengekalan melalui **Program Subsidi Upah, pelepasan melalui elaun mencari pekerjaan** yang dilanjutkan dan **Program Insentif Pengambilan Pekerjaan**.
16. **Pusat Penyelaras dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan (CCMC)** akan mencadangkan pembukaan lebih banyak **sektor ekonomi** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN). Cadangan berkenaan adalah bagi persediaan untuk beralih ke Fasa 2 PPN dan seterusnya merancakkan semula sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.
17. **Lebih 98 peratus daripada lebih 900 ribu pekerja dalam sektor pembuatan** yang berdaftar di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) telah menerima sekurang-kurangnya **dos pertama suntikan vaksin**. Walaupun jumlah pekerja dalam **sektor pembuatan adalah 2.2 juta orang**, namun sebahagian telah divaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan juga secara 'walk-in'.
18. **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** menerusi Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) di Pahang mengambil **kira-kira 8.1 tan ikan patin yang sukar dijual** akibat Perintah Kawalan Pergerakan untuk disejuk bekukan.

19. **Gelembung latihan keusahawanan wajar diwujud** bagi memudahkan urusan kursus dan latihan dibuat secara fizikal, sebagai antara kaedah membantu pengusaha industri pertanian yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kursus penghasilan produk hiliran tidak praktikal dijalankan secara dalam talian.
20. **Aktiviti penanaman padi** di Kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti Ijok di Kuala Selangor **dibenarkan beroperasi bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan beras** dalam negara. Petani yang mengusahakan sawah padi perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mengelakkan jangkitan COVID-19.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Metro 3 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Malaysia Airlines tawar penerbangan ke Langkawi mulai 16 September</p> <p>Susulan daripada keputusan kerajaan membenarkan Langkawi dibuka kepada pelancong, Malaysia Airlines bersedia menawarkan penerbangan kepada penumpang yang lengkap dua dos vaksin COVID-19. Aktiviti ini bermula 16 September di bawah program gelembung perjalanan. Ini merupakan titik permulaan untuk mengaktifkan semula pelancongan domestik, membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/750564/malaysia-airlines-tawar-penerbangan-ke-langkawi-mulai-16-september
2.	Sinar Harian 3 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>PKPD di tiga lokaliti di Perak, Pahang bermula Ahad</p> <p>Dua lokaliti di Perak dan satu di Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 5 hingga 18 September selepas penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan dan trend jangkitan COVID-19 di kawasan terbabit. Lokaliti di Perak melibatkan Taman Samudera di Manjung dan Kampung Orang Asli Sungai Cincin di Batang Padang manakala di Pahang melibatkan kawasan sekitar Pekan Padang Tengku di Lipis.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/159420/BERITA/Nasional/PKPD-di-tiga-lokaliti-di-Perak-Pahang-bermula-Ahad

3.	<p>The Star 4 September 2021 (Essential)</p>	<p>Global recovery woes</p> <p>Based on “Global Macro Outlook 2021-22” by Moody’s Investors Service, vaccination rates, the extent of serious infections and mobility restrictions are key determinants of where countries find themselves in their economic recovery cycles.</p> <p>How the pandemic evolves and affects growth is a factor for consideration. So will the unprecedentedly high levels of public and private sector debt. The boost in digitisation brought about by the pandemic could increase productivity but also create structural unemployment and social tensions.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/04/global-recovery-woes</p>
4.	<p>Berita Harian 5 September 2021 (Non-essential)</p>	<p>KKMM sedia bantu perkasa ekonomi digital di Kelantan</p> <p>Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bekerjasama dengan kerajaan Kelantan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi digital di negeri itu.</p> <p>Hal ini bertujuan untuk meningkatkan daya keusahawanan penduduk bagi menguruskan perniagaan secara dalam talian. Selain itu, ia juga dapat membantu membawa produk industri kraf seta domestik lain ke pasaran dunia.</p> <p>Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) fasa satu di Kelantan</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860206/kkmm-sedia-bantu-perkasa-ekonomi-digital-di-kelantan</p>

		setakat ini menyaksikan 24 menara telekomunikasi yang sudah siap dibina, 870 peralatan pemancar 4G telah dinaik taraf dan 21,867 premis atau rumah pengguna telah diliputi sambungan gentian optik.	
5.	Berita Harian 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>More aid for the people after BKC - PM Ismail Sabri</p> <p>The BKC is to assist the hardcore poor, B40 households with total monthly income of RM5,000 and below and senior citizens, as well as singles with a monthly income of RM2,500 and below, based on the eligibility criteria under the Bantuan Prihatin Rakyat (BPR 2021) aid package.</p> <p>Those in the M40 group who report income tax with a total household income of RM5,001 to RM9,000 and RM2,501 to RM5,000 for singles are also eligible to receive BKC.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/more-aid-people-after-bkc—pm-ismail-sabri

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia Airlines bersedia menawarkan penerbangan kepada penumpang yang lengkap dua dos vaksin COVID-19 susulan keputusan kerajaan membenarkan Langkawi dibuka kepada pelancong bermula 16 September di bawah program gelembung perjalanan.
2. Dua lokaliti di Perak dan satu di Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 5 hingga 18 September selepas penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan dan trend jangkitan COVID-19 di kawasan terbabit. Lokaliti di Perak melibatkan daerah Manjung dan Batang Padang manakala di Pahang di daerah Lipis.
3. Pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara G20 diunjurkan berkembang 6.2 peratus pada tahun 2021 dan 4.5 peratus pada tahun 2022. Manakala,

ekonomi G20 *advance economies* diunjurkan bertumbuh masing-masing sebanyak 5.6 peratus dan 4.2 peratus dan *emerging markets* berkembang pada 5.7 peratus dan 4.1 peratus bagi tahun 2021 dan 2022.

4. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mewujudkan inisiatif bagi merangsang pembangunan ekonomi digital negeri Kelantan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Gelembung perjalanan merupakan antara inisiatif bagi mengaktifkan semula pelancongan domestik, sekaligus membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pada suku tahun kedua 2021, KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, bertumbuh 13.4 peratus pada suku tahun kedua 2021. Prestasi ini dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit yang terus berkembang dengan kadar yang lebih kukuh pada 21.0 peratus diikuti oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi subsektor Kewangan & insurans (23.3%) dan Pengangkutan & penyimpanan (37.2%). Subsektor Maklumat dan komunikasi bertumbuh 5.9 peratus manakala subsektor Makanan & minuman dan penginapan berkembang 9.1 peratus daripada penyusutan 29.8 peratus pada suku tahun sebelumnya.
2. PKPD merupakan antara langkah mengekang penularan pandemic COVID-19. Namun, penutupan sempadan dan perjalanan terhad memberi impak kepada ekonomi. Pada tahun 2020, KDNK Perak menguncup 2.3 peratus (2019:4.1%) manakala Pahang turut mencatatkan penyusutan 5.9 peratus (2019: 3.8%).
3. Pertumbuhan ekonomi negara adalah dipengaruhi antara lain seperti kadar vaksinasi dalam negara, pembukaan ekonomi secara berperingkat termasuk perkembangan ekonomi dunia yang dijangka dapat menggalakkan permintaan terhadap produk-produk keluaran negara. Pada ST2 2021, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan 16.1 peratus. Kesemua sektor utama kecuali Pertanian mencatatkan pertumbuhan positif.
4. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan telah memaksa para peniaga untuk beralih kearah pelaksanaan ekonomi digital untuk kekal bertahan. Kerjasama KKMM serta Kerajaan Negeri Kelantan diharapkan dapat meningkatkan daya keusahawanan peniaga, seterusnya meningkatkan aliran tunai di negeri itu. Pada tahun 2020, Kelantan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM25.2 bilion.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Harian Metro 3 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>TM komited beri sokongan, bantuan kepada komuniti terjejas</p> <p>Telekom Malaysia Berhad (TM) kekal komited dalam usahanya memberikan sokongan dan bantuan kepada perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta komuniti terjejas dalam tempoh pandemik COVID-19. Yayasan TM (YTM), melancarkan program bantuan makanan yang dikenali sebagai Inisiatif Tolong Menolong sebagai sebahagian inisiatif berterusan gerakan Malaysia Prihatin. Program berlangsung selama dua bulan bertujuan untuk membantu perniagaan PKS tempatan, antaranya kedai barang keperluan, kedai runcit, dan restoran serta kumpulan masyarakat yang memerlukan termasuk keluarga dari golongan B40 dan gelandangan yang terkesan dengan wabak dan pelaksanaan PKP.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/750569/tm-komited-beri-sokongan-bantuan-kepada-komuniti-terjejas
2.	Malaysia Gazette 3 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Bukan masa yang sesuai untuk laksana semula GST – Menteri Kewangan</p> <p>Sekarang bukanlah masa yang sesuai untuk memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kata Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz. Ini</p>	https://malaysiagazette.com/2021/09/03/bukan-masa-yang-sesuai-untuk-laksana-semula-gst-menteri-kewangan/

		<p>kerana, kerajaan sedang menumpukan fokus untuk memulihkan ekonomi negara. Ia termasuk memperkenalkan cukai-cukai baharu dan mengembalikan semula cukai-cukai lama. Menurutnya, kerajaan juga sedang meneliti pelbagai pendekatan untuk meningkatkan pendapatan negara termasuk menangani isu ketirisan hasil.</p>	
3.	Berita Harian 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Minyak mentah naik, ringgit ditutup lebih tinggi</p> <p>Ringgit ditutup tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat di tengah-tengah pengukuhan harga minyak mentah Brent, memandangkan harganya menjadi faktor penentu pergerakan unit tempatan. Pada jam 6 petang, unit tempatan mengukuh kepada 4.1445/1475 berbanding dolar AS daripada paras 4.1570/1600 pada Khamis. Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Adam Mohamed Rahim, berkata pada awal minggu ini Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan sekutunya menyemak semula unjuran pertumbuhan permintaan minyak bagi 2022 kepada 4.2 juta tong sehari, meningkat daripada 3.28 juta tong sehari sebelum ini yang berpotensi meningkatkan pengeluaran pada masa depan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/09/859505/minyak-mentah-naik-ringgit-ditutup-lebih-tinggi

4.	<p>Sinar Harian 3 September 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>Honda Malaysia harap dapat kembali momentum perniagaan</p> <p>HONDA Malaysia berharap untuk mendapatkan kembali momentum perniagaannya dalam empat bulan terakhir 2021 melalui pelancaran model baharu, inisiatif kewangan dan kempen promosi. Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Madoka Chujo berkata, kumpulan itu merancang untuk melancarkan beberapa model terkini yang menampilkan Teknologi Canggih Generasi Seterusnya Honda dalam beberapa bulan akan datang.</p> <p>Selain penurunan harga, Honda Malaysia menawarkan promosi Manfaat Khas September mulai 1 hingga 30 September 2021, yang mana pelanggan dapat menikmati pelbagai faedah bernilai sehingga RM6,000. Pelanggan juga boleh memanfaatkan Program Pembiayaan Khas yang membolehkan mereka menikmati pembayaran ansuran bulanan yang lebih rendah pada peringkat awal pemilikan kereta mereka, yang akan berlangsung sehingga 31 Disember tahun ini.</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/159379/BISNES/Honda-Malaysia-harap-dapat-kembali-momentum-perniagaan</p>
5.	<p>The Borneo Post 5 September 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>Expect better sequential earnings from Aeon</p> <p>With the recent allowances to reopen non-essential businesses, Aeon Co (M) Bhd's (Aeon) softline and hardline categories are expected to boost retail segment earnings contribution in</p>	<p>https://www.theborneopost.com/2021/09/05/expect-better-sequential-earnings-from-aeon/</p>

		<p>sequential quarters. The research arm of Maybank Investment Bank Bhd's (Maybank IB Research) gathered that foodline accounts for circa 60%, compared to 53% in the first quarter of 2021 (1Q21), of Aeon's retail segment while softline and hardline contributions have fallen four per cent to five per cent percentage points (pps) quarter on quarter (q-o-q) given its closure during the lockdowns in 2Q21.</p> <p>According to the research arm, Aeon's 2Q21 occupancy rate fell to 81%, down three pps q-o-q. However, property management services' revenue grew five per cent q-o-q given the change in Aeon's rental structure. To alleviate the rental burden on tenants, Aeon has proactively revised more than 80% of its tenants' rental terms towards a larger portion of sales-based variable rent.</p>	
6.	Astro Awani 5 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Porsche pasang model sport di Malaysia, buka peluang kepada bakat tempatan</p> <p>Malaysia dipilih sebagai negara pertama di luar Eropah bagi pemasangan model kereta sport terkemuka jenama Porsche dalam sejarah penubuhan 70 tahun syarikat automotif Jerman itu. Ia bakal direalisasikan dengan kerjasama antara Sime Darby Bhd dan Porsche AG yang akan mendirikan kilang pemasangan di Kulim, Kedah.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/porsche-pasang-model-sport-di-malaysia-buka-peluang-kepada-bakat-tempatan-317956

7.	Harian Metro 6 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Suku keempat dijangka rancak</p> <p>Peralihan Malaysia kepada fasa endemik jika dapat dicapai akhir Oktober depan bakal menyaksikan pertumbuhan ekonomi pesat pada suku keempat ini. Endemik akan membenarkan kegiatan ekonomi dibuka dengan lebih luas berbanding ketika ini.</p> <p>Sekiranya endemik berjaya dicapai akhir Oktober depan, bakal menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada suku keempat dan akan menjadi titik tolak pemulihan ekonomi negara. Kumulatif keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara sehingga Jun lalu yang direkodkan -2.0% akan berada pada unjuran lingkungan sasaran KDNK keseluruhan tahun ini iaitu 3.0%. Bagaimanapun, ia bergantung kepada pembukaan ekonomi seperti kebenaran merentas negeri yang turut membolehkan sektor pelancongan tempatan kembali bernaafas. Pembukaan semula Langkawi sebagai pusat pelancongan akan dipantau sepenuhnya dan jika ia berjaya maka formula baharu terbabit akan dilanjutkan ke pusat peranginan lain di Malaysia.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/751412/suku-keempat-dijangka-rancak
8.	Free Malaysia Today 6 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>PKS minta kakitangan baru 1 dos dibenar kembali bekerja</p> <p>Majikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merayu kepada kerajaan agar mengizinkan pekerja yang telah menerima dos</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/06/pks-minta-kakitangan-baru-1-dos-dibenar-kembali-bekerja/

		<p>vaksin pertama untuk kembali bekerja bagi mengelakkan syarikat gulung tikar. Presiden Persatuan PKS Michael Kang berkata kira-kira 25% daripada PKS telah ditutup sejak 'lockdown' pada pertengahan tahun dan lebih banyak akan menyusul.</p> <p>Mereka yang belum lengkap divaksinasi hanya patut dibenarkan pergi ke tempat kerja, membeli makanan dan barang keperluan. Dengan cara ini tempat kerja akan menjadi lebih selamat. Mereka yang melanggar peraturan sekatan pergerakan tidak patut dibenarkan masuk kerja. Selain itu pegawai penguasa kuasa boleh melakukan pemeriksaan mengejut untuk memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi.</p>	
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
9.	Harian Metro 5.9.2021 <i>(Non-essential)</i>	Perkhidmatan feri Kuala Kedah – Langkawi dihentikan esok berikutan PKPD Perkhidmatan feri Kuala Kedah ke Langkawi akan dihentikan selama dua minggu berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kedah bermula 6 September.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/751125/perkhidmatan-feri-kuala-kedah-langkawi-dihentikan-esok-berikutan-pkpd
C. Subsektor Kesihatan			
10.	Harian Metro 4 Sept 2021 <i>(Essential)</i>	KKM usahakan penyelesaian terbaik isu doktor kontrak - KJ Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin memberi jaminan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/751009/kkm-usahakan-penyelesaian-terbaik-isu-doktor-kontrak-kj

		<p>akan mengusahakan penyelesaian terbaik berhubung isu doktor kontrak dalam tempoh 100 hari Kementerian Kesihatan (KKM) di bawah pentadbirannya.</p> <p>Khairy berkata, dalam masa 100 hari juga, KKM akan berusaha ke arah mengurangkan peratusan tunggakan pesakit bukan COVID-19 di hospital kepada 20 peratus bagi pembedahan am (elektif) melalui khidmat luaran ke fasiliti swasta di seluruh negara. Ia melibatkan individu yang memerlukan pembedahan am elektif untuk kes kanser dan bukan kanser yang boleh memudaratkan jika menunggu lama.</p>	<u>terbaik-isu-doktor-kontrak-kj</u>
11.	The Sun Daily 6 Sept 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hifu treatment that preserves women's fertility now available in Malaysia</p> <p>A non-invasive procedure to treat uterine fibroids known as High-Intensity Focused Ultrasound (Hifu) is set to change the treatment landscape for women nationwide. According to Mahkota Medical Centre (MMC) Obstetrician and Gynaecologist Dr S. Selva, the cutting-edge treatment option with clinically proven positive outcomes, has a shorter recovery period and preserves the women's fertility.</p> <p>Commenting on how the new Hifu treatment will impact Malaysia's medical tourism growth in the near future, Group Chief Executive Officer of HMI</p>	https://www.thesundaily.my/home/hifu-treatment-that-preserves-women-s-fertility-now-available-in-malaysia-XG8293415

		<p>Group Chin Wei Jia said, the Hifu treatment is a new innovative technology for women with gynaecological issues especially for those in Southeast Asia, as this treatment is also available in Singapore and Hong Kong.</p> <p>When international borders reopen and travel is permitted soon, we anticipate keen demand from patients across the region seeking the Hifu treatment at MMC due to the treatment benefits. This in turn would positively impact the tourism industry for Malaysia across a multitude of sectors, such as hospitality and services.</p>	
D. Subsektor Makanan & Minuman			
12.	Sinar Harian 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	Larangan 'dine in' di Zon Selatan Sarawak dilanjutkan Larangan makan di premis atau 'dine-in' di Zon Selatan Sarawak dilanjutkan hingga 19 September depan melibatkan Daerah Kuching, Bau, Lundu, Samarahan, Asajaya, Simunjan, Serian dan Tebedu.	https://www.sinarharian.com.my/article/159417/KHAS/Covid-19/Larangan-dine-in-di-Zon-Selatan-Sarawak-dilanjutkan
13.	BH Online 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	Peniaga masih bimbang benarkan 'dine-in' Kebanyakan peniaga gerai makan di daerah ini masih tidak membenarkan pelanggan makan di gerai atau 'dine-in' kerana bimbang dikompaun. Ini disebabkan sikap sesetengah pelanggan enggan mematuhi	https://www.bharan.com.my/berita/wilayah/2021/09/859298/peniaga-masih-bimbang-benarkan-dine

	SOP, didakwa 'keras kepala' apabila tidak mahu menunjukkan sijil digital lengkap vaksinasi apabila diminta berbuat demikian.	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Yayasan TM melancarkan program Inisiatif Tolong Menolong dengan peruntukan hampir RM20 juta bagi meringankan bebanan kehidupan. 2. Masyarakat yang terjejas dan sokongan berterusan terhadap agenda pembangunan negara dan kebajikan masyarakat. 3. Bagi tahun 2021, sasaran kutipan hasil cukai adalah berjumlah RM162.1 bilion, yang merupakan 10.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Ia merangkumi kutipan Cukai Langsung sebanyak RM120.0 bilion dan Cukai Tidak Langsung sebanyak RM42.1 bilion. 4. Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) menjangkakan permintaan meningkat kepada 5.95 juta tong sehari tahun ini selepas mencatatkan penurunan kira-kira sembilan juta tong sehari pada 2020 disebabkan pandemik COVID-19. 5. Kerjasama Aeon dengan BOXED dalam melancarkan laman web runcit dalam talian baru 'myAeon2go', sejajar dengan rancangan transformasi digitalnya untuk mencapai 15% hasil penjualan e-dagang dalam tempoh lima tahun yang merangkumi item runcit tetapi pada masa akan datang akan memasukkan segment <i>softline</i> dan juga <i>hardline</i>. 6. Projek pemasangan model sport Porsche yang merupakan sebahagian daripada inisiatif pertumbuhan dilancarkan pada 2018, mencerminkan kepercayaan Porsche terhadap kedudukan kukuh negara sebagai hab pembuatan terkenal di dunia bagi pengeluaran produk tulen (OEM) sektor automotif. 7. Honda sedang mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mengekalkan pengeluaran kereta pada standard tertinggi dengan memastikan permintaan pelanggan dipenuhi tepat pada masanya serta pengiriman produk yang berkualiti. 8. Lebih banyak sektor ekonomi akan dibenarkan semula ketika fasa endemik yang dijangka pada Oktober akan datang. 		

9. Kerajaan disaran memperkenalkan SOP yang ringkas bagi semua negeri supaya PKS yang beroperasi tidak keliru dengan SOP yang diperkenalkan.
10. Perkhidmatan feri Kuala Kedah ke Langkawi dihentikan selama dua minggu bermula 6 hingga 9 September 2021. Penumpang yang keluar masuk Langkawi boleh menggunakan perkhidmatan feri di Kuala Perlis dengan kapasiti bagi perkhidmatan feri pada satu-satu masa hanya 50 peratus yang dibenarkan.
11. KKM akan berusaha ke arah mengurangkan peratusan tunggakan pesakit bukan COVID-19 di hospital kepada 20 peratus bagi pembedahan am (elektif) melalui khidmat luaran ke fasiliti swasta di seluruh negara.
12. MITI berhasrat untuk menyelesaikan imunisasi pekerja industri di bawah PIKAS pada akhir bulan ini. Mempercepat proses vaksinasi di kalangan pekerja industri sangat penting kerana sektor pembuatan merupakan tulang belakang pertumbuhan ekonomi negara.
13. Sebagai anggota elit Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), Mahkota Medical Centre secara aktif bekerjasama dengan MHTC untuk meningkatkan kesedaran mengenai ketersediaan rawatan Hifu dan faedahnya kepada negara-negara jiran. Ini akan mempercepat pertumbuhan industri pelancongan perubatan Malaysia.
14. Sarawak melanjutkan larangan *dine-in* di premis bagi Zon Selatan sehingga 19 September 2021.
15. Segelintir peniaga masih tidak memberarkan *dine-in* kerana bimbang dikompaun disebabkan sikap pelanggan melanggar SOP perlu vaksinasi lengkap bagi membolehkan mereka *dine-in*.

Maklumbalas Bahagian:

1. Inisiatif dari pihak swasta dalam membantu memberikan bantuan bakul makanan secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan jualan bagi subsektor makanan dan minuman dalam sektor Perdagangan borong & runcit.
2. Transformasi digital dalam perniagaan semasa COVID-19 akan memberikan kesan positif bagi industri jualan atas talian.
3. Kebenaran pengoperasian semula sektor ekonomi ketika fasa endemik dijangka memberi kesan positif pada ekonomi negara.

4. Perkhidmatan feri Kuala Kedah ke Langkawi dihentikan selama dua minggu berikutan perlaksanaan PKPD akan memberi kesan pendapatan terhadap operasi feri, teksi air (50112) dalam segmen pengangkutan air untuk tempoh ST3 2021.
5. Hospital dan klinik swasta yang terlibat dalam *Public-Private Partnership COVID-19 Industry Immunisation Programme* (PIKAS) berpotensi mendapat kenaikan hasil selari dengan peningkatan jumlah pemberian vaksin bagi program tersebut.
6. Penawaran rawatan *High-Intensity Focused Ultrasound* (HIFU) yang merupakan teknologi inovatif baru untuk wanita yang mempunyai masalah ginekologi boleh menyumbang peningkatan dalam *health tourism* di Malaysia.
7. Peniaga yang terjejas akibat larangan *dine-in* tidak mahu mengambil risiko dikompaun walaupun pendapatan lebih rendah dibandingkan ketika *dine-in* dibenarkan.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia's end-August palm oil stocks soar as output rises, exports fall</p> <p>Malaysia's palm oil inventories at the end of August jumped to their highest in over a year as production rebounded amid a steep fall in exports.</p> <p>Palm oil stockpile rose 16.3% from July to 1.74 million tonnes, its highest since June last year, according to a median estimate of 10 planters, traders and analysts polled by Reuters.</p> <p>Output in the world's second-biggest palm oil producer rose 11.2% to 1.7 million tonnes, peaking at a 10-month high.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-endaugust-palm-oil-stocks-soar-output-rises-exports-fall

2.	The Edge Markets 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	China's export, import growth likely eased in Aug on COVID-19 cases, supply bottlenecks <p>China's export growth is expected to have moderated in August amid port congestion caused by fresh COVID-19 cases, a Reuters poll showed, while the pace of imports also slowed, highlighting the growing pressure on the world's second-largest economy.</p> <p>The forecast slackening in overall trade add to a flurry of soft Chinese data since July and is likely to reinforce market expectations for more near-term support measures to revitalise the flagging economic recovery.</p> <p>Offsetting some of this, a few analysts say, is the possible diversion of export orders back to China due to rising COVID-19 cases in Southeast Asia.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/chinas-export-import-growth-likely-eased-aug-covid19-cases-supply-bottlenecks
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Inventori minyak sawit Malaysia pada akhir Ogos melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh satu tahun apabila pengeluaran pulih di saat eksport mengalami kejatuhan. Stok minyak sawit meningkat 16.3 peratus dari bulan Julai kepada 1.74 juta tan metrik, tertinggi sejak Jun tahun lalu. Pengeluaran oleh pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia meningkat 11.2 peratus kepada 1.7 juta tan metrik, meningkat pada paras tertinggi dalam tempoh 10 bulan.
2. Pertumbuhan eksport China dijangka menjadi sederhana pada bulan Ogos di sebalik kesesakan pelabuhan disebabkan oleh penularan terkini COVID-19. Import turut bertumbuh dengan perlahan dan akan menambahkan tekanan terhadap ekonomi kedua terbesar di dunia itu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 adalah RM5.7 bilion dan mencatatkan penurunan RM0.5 bilion atau 7.3 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit pula adalah 1.3 juta tan metrik dan menyusut 13.6 ribu tan metrik atau 0.9 peratus bulan ke bulan. Eksport minyak kelapa sawit menyumbang 5.9 peratus kepada keseluruhan nilai eksport.
2. China merupakan rakan dagangan utama Malaysia sejak 2009. Nilai eksport ke China bagi Julai 2021 adalah RM14.3 bilion dan menyusut RM3.2 bilion atau 18.3 peratus bulan ke bulan. Eksport ke China menyumbang 14.7 peratus daripada keseluruhan nilai eksport. Nilai import dari China bagi Julai 2021 pula adalah RM19.5 bilion dan turut menyusut RM0.8 bilion atau 3.9 peratus bulan ke bulan. Import dari China menyumbang 23.4 peratus kepada keseluruhan nilai import.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 2 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penang wants Wee to clear air on PIA expansion</p> <p>Penang has urged Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong to clarify the status of the Penang International Airport (PIA) expansion and proposed Kulim International Airport (KXP) projects which now had raised many questions among travellers and industrial players alike.</p> <p>State Infrastructure and Transport Committee chairman, Zairil Khir Johari suggested to begin construction of the PIA expansion now when the airport is virtually empty in preparation for the future.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/723575/penang-wants-wee-clear-air-pia-expansion-nstv

2.	Al Jazeera 6 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Malaysia fishermen in last ditch bid to stop Penang reclamation</p> <p>Fishermen to appeal federal government to stop Penang state's plan of building three artificial islands from scratch off the island of Penang in Malaysia's northwest. Approved in 2015, the hugely controversial Penang South Reclamation (PSR) which construction has yet to start because of the COVID-19 pandemic was conceived to fund the larger and much anticipated 46 billion Malaysian ringgit (\$11bn) Penang Transport Master Plan (PTMP) which includes the development of a seamless system of new highways, a tunnel connecting the mainland and island and a light rail system to ease the island's traffic jam.</p>	https://www.aljazeera.com/news/2021/9/6/penang-pushes-ahead-with-massive-reclamation-plan-despite-outcry
3.	Sinar Harian 5 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>60,000 permohonan Rumah Selangorku diluluskan tahun ini</p> <p>Kerajaan Selangor telah meluluskan sebanyak 60,000 permohonan Rumah Selangorku bagi tahun 2021.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/159668/EDISI/60000-permohonan-Rumah-Selangorku-diluluskan-tahun-ini
4.	The Edge 5 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Over 98% of manufacturing sector workers vaccinated under PIKAS, says Azmin</p> <p>More than 98% of workers in the manufacturing industry registered under the Public-Private Partnership COVID-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) have received at least the first dose of the vaccine shot.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/over-98-manufacturing-sector-workers-vaccinated-under-pikas-says-azmin

Penemuan penting & isu:

1. Penangguhan projek pengembangan Penang International Airport (PIA) sehingga kini adalah disebabkan pandemik COVID-19 dan pertukaran kerajaan persekutuan baru pada awal tahun 2020.
2. Penang South Reclamation (PSR) akan mewujudkan 4,500 ekar tanah di tiga pulau buatan. Kini disebut sebagai pemacu ekonomi utama untuk pemulihian pasca-coronavirus Pulau Pinang, para penciptanya mengatakan PSR akan mewujudkan 300,000 pekerjaan dalam tempoh 30 tahun akan datang. Walau bagaimanapun, pakar alam sekitar mengatakan ketiga-tiga pulau itu yang bernama BiodiverCity akan menguburkan kawasan penangkapan ikan dan kawasan biodiversiti terkaya di negeri ini.
3. Secara keseluruhan, kerajaan negeri telah menerima sebanyak 120,000 permohonan Rumah Selangorku dan terdapat kira-kira 20,000 unit sedang dibina di setiap daerah khususnya sekitar Lembah Klang.
4. *Speeding up the vaccination process among industrial workers was very important as the manufacturing sector was the backbone of the country's economic growth. Unlike other sectors, industrial workers have to be on-site, they cannot work from home, so they are exposed to the possibility of COVID-19 infection.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan memantau projek-projek mega yang sedang dilaksanakan dan akan dimajukan pada masa akan datang antaranya projek Penang International Airport (PIA), Kulim International Airport (KXP), Penang South Reclamation (PSR) di kawasan utara semenanjung Malaysia.
2. Rumah Selangorku ini terjejas pembinaan akibat kelewatan dalam mendapatkan kelulusan dalam pengoperasian untuk projek ini. Namun begitu, Kerajaan negeri akan memberi fokus bagi memastikan pembinaan setiap unit rumah berkenaan dapat disiapkan dengan lancar. Selangor merupakan penyumbang utama nilai kerja pembinaan sebanyak 26.7 peratus diikuti Wilayah Persekutuan (21.0%) dan Sarawak (11.9%) pada suku tahun kedua 2021.
3. Proses vaksinasi di kalangan pekerja industri akan dipercepatkan untuk meningkatkan produktiviti negara. Bilangan pekerja sektor Pembuatan merekodkan seramai 2,215,420 orang pada Julai 2021, meningkat sebanyak 1.2 peratus berbanding bulan sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, bilangan pekerja berkurang sebanyak 0.9 peratus bulan ke bulan pada Jun 2021.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 3 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Perodua sold 6,988 units in August as production begins to increase</p> <p>The company would see the production and registration numbers multiply in September as the situation normalises. Perodua is working on closing this gap by further increasing its manufacturing output as well as improving the standard operating procedures (SOPs) to ensure the safety of its workers and customers. The automotive industry will be able to sustain itself this year as COVID-19 and the semiconductor supply shortage continue to haunt manufacturers both domestically and globally. Perodua was able to secure enough to ensure that production would resume smoothly this year and that most of Perodua's outstanding orders would be met within the year.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/perodua-sold-6988-units-august-production-begins-increase
2.	NST 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lazada transactions grow due to COVID-19, digital migration</p> <p>An accelerated move to digital has seen Lazada's annual active consumers consistently heightened, with over 150 million monthly average users and growth in nearly 100 per cent year-on-year (YoY) on its online transactions. According to Lazada Group chief executive officer, brands, retailers and shopping malls had adapted to this new</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/724689/lazada-transactions-grow-due-covid-19-digital-migration

	reality, with many of them migrating online. This was something that would have eventually happened but had been accelerated by the pandemic.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Perodua mencatatkan jualan 6,988 unit kenderaan pada Ogos berbanding hanya 655 unit pada Julai berikutan sambungan semula operasi Pembuatan dan jualan selepas penutupan (*lockdown*) seluruh negara dimansuhkan pada 16 Ogos. Sepanjang tempoh tersebut, seluruh operasi Perodua ditangguhkan selaras dengan langkah *lockdown* bagi mengawal wabak COVID-19. Mengikut *Year to date* (YTD) Perodua mencatatkan penurunan jualan kenderaan sebanyak 12.5 peratus antara Januari dan Ogos tahun ini berbanding tahun lepas. Justeru, Perodua bercadang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk mengurangkan jurang ini, pada masa yang sama mematuhi SOP yang ditetapkan.
2. Langkah pantas digitalisasi telah meningkatkan pengguna aktif Lazada dengan lebih 150 juta purata pengguna bulanan dan peningkatan hampir 100 peratus tahun-ke-tahun transaksi atas taliannya. Jenama, peruncit dan pusat membeli-belah telah menyesuaikan diri dengan norma baru dengan kebanyakkan dari mereka telah berhijrah ke dalam talian. Menurut Lazada, perkara seperti ini dijangka akan berlaku, namun keadaan pandemik telah mempercepatkan impak digital kepada pengguna dan peniaga. Ini turut dipacu dengan lebih 70 peratus populasi Asia tenggara menggunakan internet.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula sektor Pembuatan automotif membolehkan Perodua meningkatkan semua jualan dan pengeluaran kenderaannya pada bulan ini. Malah, cadangan Perodua untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk menutup jurang penurunan tahun ke tahun akan memberi kesan positif kepada penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran terutamanya komponen Barang dan Akaun Perkhidmatan khususnya Caj penggunaan harta intelek. Pada suku kedua 2021, komponen Barang ini mencatatkan lebihan sebanyak RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya. Sementara, komponen Caj penggunaan harta intelek merekodkan defisit sebanyak RM2.4 bilion berbanding RM 2.3 bilion pada suku sebelumnya.
2. Peningkatan yang pantas dalam transaksi atas talian semasa waktu pandemik telah memberi kesan positif terhadap proses perkembangan digital terutamanya melalui penggunaan platform membeli-belah atas talian seperti Lazada. Kesan

<p>perkembangan ini dapat dilihat pada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran. Pada suku kedua 2021, Imbangan Akaun Semasa mencatatkan lebihan yang lebih tinggi RM14.4 bilion berbanding RM12.3 bilion pada suku sebelumnya.</p>			
F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 3 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Gelembung perjalanan pulih industri penerbangan</p> <p>Langkah kerajaan membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program gelembung perjalanan menerusi projek rintis di Pulau Langkawi bermula 16 September ini memberi sinar kepada pemulihan industri penerbangan.</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Aviation Group (MAG) menyatakan langkah permulaan bagi menghidupkan kembali sektor pelancongan domestik sekali gus membantu meningkatkan sosio ekonomi rakyat.</p> <p>Syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines bersedia dengan langkah kerajaan dengan memberikan perjalanan udara yang selamat.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/859376/gelembung-perjalanan-pulih-industri-penerbangan-kapten-izham
2.	Astro Awani 4 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Ekonomi dijangka stabil Q4, ringgit sekitar 3.67-4.10 berbanding dolar AS</p> <p>Ekonomi Malaysia dijangka stabil menjelang suku keempat (Q4) berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Pemulihan</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/ekonomi-dijangka-stabil-q4-ringgit-sekitar-367410-berbanding-dolar-pakar-317748

		<p>Negara untuk meringankan sekatan bagi operasi sektor ekonomi, kata ahli ekonomi global, Shan Saeed.</p> <p>Sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.</p> <p>Ekonomi Global Juwai IQI menyatakan ringgit dijangka meningkat kepada paras 3.67 dan 4.10 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun.</p>	
3.	Berita Harian 4 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Laporan kewangan korporat kukuh petanda situasi buruk COVID-19 berakhir</p> <p>Prestasi kewangan lebih kukuh yang diumum sebahagian besar syarikat senaraian awam pada suku kedua 2021 membayangkan situasi buruk akibat impak pandemik COVID-19 sudah berakhir, demikian kata penganalisis.</p> <p>PublicInvest Research dalam nota penyelidikannya menyatakan musim pelaporan keputusan kewangan suku kedua 2021 dilihat adalah lebih baik dengan jumlah syarikat mengumumkan kedudukan kewangan yang menepati atau mengatasi jangkaannya.</p> <p>Jangkaan pemulihan yang lebih kukuh dalam suku tahunan mendatang akan tertangguh</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/859691/laporan-kewangan-korporat-kukuh-petanda-situasi-buruk-covid-19

	berikutan syarikat terus berdepan kesan sekatan pergerakan dan penundaan pembukaan semula sektor ekonomi serta kekangan kapasiti.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Langkah kerajaan membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program gelembung perjalanan menerusi projek rintis di Pulau Langkawi bermula 16 September 2021 memberi sinar kepada pemulihan industri penerbangan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Aviation Group (MAG) program tersebut merupakan langkah pemulihan bagi sektor pelancongan domestik sekali gus membantu meningkatkan sosio ekonomi rakyat.
2. Ekonomi Malaysia dijangka stabil menjelang suku keempat serta ringgit meningkat kepada paras 3.67 dan 4.10 berbanding dolar AS. Ini berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Negara untuk meringankan sekatan bagi operasi sektor ekonomi menurut ahli ekonomi global. Selain itu, sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
3. Laporan kewangan korporat kukuh pada suku kedua 2021 petanda pandemik COVID-19 akan berakhir, menurut PublicInvest Research. Selain itu jangkaan pemulihan yang lebih kukuh dalam suku tahunan mendatang akan tertangguh jika syarikat terus berdepan kesan sekatan pergerakan dan penundaan pembukaan semula sektor ekonomi serta kekangan kapasiti.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula sektor pelancongan di Langkawi kepada pelancong tempatan bermula 16 September 2021 dijangka akan memberi impak positif kepada industri pelancongan yang sudah lama terjejas. Secara tidak langsung akan memberi kesan limpahan kepada industri rantaian dalam sektor Pelancongan antaranya sektor Perhotelan, Pengangkutan dan Perdagangan Runcit. Pada suku kedua 2021, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada KDNK dengan pertumbuhan 13.4 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Ini dipacu oleh pertumbuhan bagi subsektor Penginapan 46.0 peratus dan Pengangkutan & penyimpanan mencatatkan 37.2 peratus.

2. Inisiatif Kerajaan melalui pelbagai langkah Pelan Pemulihan Negara dengan pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat dan peningkatan kadar vaksinasi dalam negara merupakan faktor utama kepada pemulihian ekonomi Malaysia. Seiring dengan jangkaan trend positif kedudukan ringgit kepada paras 3.67 dan 4.10 berbanding dolar AS. Sekaligus akan menarik keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk melabur di Malaysia.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Suri Rumah Bakal Dilindungi Skim PERKESO</p> <p>Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang merangka peluasan konsep jaringan keselamatan sosial khusus kepada wanita dalam kalangan suri rumah bagi membela nasib golongan itu jika ditimpa musibah dan insiden tidak diingini.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859339/suri-rumah-bakal-dilindungi-skim-perkeso
2.	Reuters 3 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>LNG prices soar as Asian buyers compete for cargoes</p> <p>Asian liquefied natural gas (LNG) prices soared towards \$20 per million British thermal units (mmBtu) this week as supply constraints in Europe provided competition for Asian buyers.</p> <p>The average LNG price for October delivery into Northeast Asia was estimated at about \$19.90 per metric million British thermal units (mmBtu), up \$2.70 from the previous week, industry sources said.</p> <p>"Prices now are mostly Europe-driven, as headline news about Russian supply affects gas prices there, it's having a spillover effect here," a Singapore-based LNG trader said.</p>	https://www.reuters.com/world/middle-east/lng-prices-soar-asian-buyers-compete-cargoes-2021-09-03/

3.	The Edge Markets 3 Sept 2021 <i>(Essential)</i>	<p>World food prices jump in August, cereal harvest outlook cut, says FAO</p> <p>World food prices jumped in August after two consecutive months of decline, pushed up by strong gains for sugar, vegetable oils and some cereals, the United Nations food agency said on Thursday.</p> <p>The Rome-based Food and Agriculture Organization (FAO) also said in a statement that worldwide cereal harvests would come in at nearly 2.788 billion tonnes in 2021, down on its previous estimate of 2.817 billion tonnes but still up on 2020 levels.</p>	<u>https://www.theedgemarkets.com/article/world-food-prices-jump-august-cereal-harvest-outlook-cut-says-fao</u>
4.	Reuters 4 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Oil slips as weak U.S. jobs report gives 'reality check'</p> <p>Oil prices fell on Friday after a weaker than expected U.S. jobs report indicated a patchy economic recovery that could mean slower fuel demand during a resurgent pandemic.</p> <p>Losses were capped by concerns that U.S. supply would remain limited in the wake of Hurricane Ida, which cut production from the U.S. Gulf of Mexico.</p> <p>Brent crude futures settled lower by 42 cents, or 0.58%, at \$72.61 a barrel. U.S. West Texas Intermediate (WTI) crude futures were down 70 cents or 1%, at \$69.29.</p>	<u>https://www.reuters.com/business/energy/oil-slips-ahead-us-jobs-report-2021-09-03/</u>

5.	Sinar Harian 04 September 2021 <i>(Essential)</i>	LTSIP sedia jadi lapangan terbang antarabangsa 2024 Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa yang kini dalam proses pembesaran turut bersedia menjadi lapangan terbang antarabangsa selepas siap sepenuhnya 2024 nanti.	https://www.sinarharian.com.my/article/159596/BERITA/Nasional/LTSIP-sedia-jadi-lapangan-terbang-antarabangsa-2024
6.	Berita Harian 5 September 2021 <i>(Essential)</i>	KKMM sedia bantu perkasa ekonomi digital di Kelantan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) akan bekerjasama dengan kerajaan Kelantan bagi mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan perkembangan ekonomi digital negeri berkenaan.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860206/kkmm-sedia-bantu-perkasa-ekonomi-digital-di-kelantan
7.	Selangorkini 5 September 2021 <i>(Essential)</i>	LZS agih 1,110 bakul makanan kepada penduduk terjejas di Hulu Langat Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan 1,110 pek makanan kepada masyarakat terjejas akibat pandemik COVID-19 di sekitar daerah Hulu Langat semalam.	https://selangorkini.my/2021/09/lzs-agih-1110-bakul-makanan-kepada-penduduk-terjejas-di-hulu-langat/
8.	Selangorkini 5 September 2021 <i>(Essential)</i>	Usahawan terima data internet percuma digalak bermiaga dalam talian Usahawan di Selangor yang bakal menikmati kad modul pengenalan pelanggan (SIM) percuma dari Kerajaan Negeri diminta memanfaatkan peluang bermiaga secara dalam talian.	https://selangorkini.my/2021/09/usahawan-terima-data-internet-percuma-digalak-berniaga-dalam-talian/

9.	Selangorkini 5 September 2021 <i>(Essential)</i>	465 OKU Selangor terima bantuan kewangan RM500 Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM500 kepada 465 orang kelainan upaya (OKU) yang layak setakat ini.	https://selangorkini.my/2021/09/465-oku-selangor-terima-bantuan-kewangan-rm500/
10.	Selangorkini 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	Pasar Mesra Jimatkan Perbelanjaan dapur, ringan beban penduduk Inisiatif Kerajaan Selangor mewujudkan Pasar Mesra dapat meringkan beban rakyat terutama ketika pandemik COVID-19.	https://selangorkini.my/2021/09/pasar-mesra-jimatkan-perbelanjaan-dapur-ringan-beban-penduduk/
11.	Selangorkini 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	LZS, NGO agih 250 pek makanan kepada asnaf, fakir miskin Lembaga Zakat Selangor (LZS) bersama Richwork International Sdn Bhd mengagihkan 250 bakul makanan kepada keluarga asnaf fakir dan miskin di Flat PKNS Seksyen 7 pada Sabtu.	https://selangorkini.my/2021/09/lzs-ngo-agih-250-pek-makanan-kepada-asnaf-fakir-miskin/
12.	NEW STRAITS TIMES 6 September 2021 <i>(Essential)</i>	Langkawi “pilot travel bubble” to revive Malaysia’s domestic air travel The government's decision to reopen its tourism sector to fully vaccinated travellers via the travel bubble programme, starting with Langkawi, could reinvigorate domestic air travel. Travel domestic travel resumption and recovery could be expedited if the COVID-19 pandemic improved with more people getting vaccinated.	https://www.nst.com.my/business/2021/09/724703/langkawi-pilot-travel-bubble-revive-malaysias-domestic-air-travel%C2%A0

Penemuan penting & isu:

1. Skim baharu yang diperkenalkan oleh PERKESO untuk suri rumah sangat membantu golongan ini kerana di waktu pandemik COVID-19, suami tidak dapat bekerja dan tidak mampu untuk memberikan rawatan perubatan untuk isteri yang menghidapi penyakit kronik.
2. Harga gas asli cecair Asia (LNG) melonjak hingga \$ 20 per juta unit termal Britain (mmBtu) kerana kekangan bekalan di Eropah memberikan persaingan kepada pembeli Asia. Harga gas asli sekarang kebanyakannya didorong oleh Eropah kerana bekalan yang ketat sejak beberapa bulan kebelakangan ini dan penyelenggaraan yang berpanjangan di Rusia dan Australia, tetapi keadaannya bertambah baik.
3. Indeks harga makanan FAO, yang mengesahkan harga antarabangsa komoditi makanan paling banyak diperdagangkan di dunia, rata-rata 127.4 mata bulan lalu berbanding 123.5 pada bulan Julai. Angka Julai sebelumnya diberikan sebagai 123.0. Dari tahun ke tahun, harga naik 32.9 peratus pada bulan Ogos.
4. Harga minyak jatuh setelah laporan pekerjaan A.S. yang lebih rendah daripada yang dijangkakan menunjukkan pemulihran ekonomi yang tidak stabil yang bererti permintaan bahan bakar yang lebih perlahan semasa kes COVID-19 bangkit semula kini.
5. Ekoran pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan turut memberi kesan kepada aktiviti sektor penerbangan namun ada laporan mengatakan hujung tahun 2022 sektor penerbangan ini akan kembali pulih semula.
6. Inisiatif yang dilakukan oleh KKMM dan kerajaan negeri Kelantan meningkatkan daya keusahawanan penduduk bagi menguruskan perniagaan secara dalam talian sekali gus menambah pendapatan dan meningkatkan produktiviti.
7. Usaha yang dilakukan oleh LZS adalah satu cara yang sangat membantu dan meringankan beban kos sara hidup sehari-hari rakyat selangor.
8. Dengan adanya inisiatif ini, usahawan akan lebih giat mempromosikan barang niaga melalui online bukan sekadar fizikal sahaja. SIM percuma ini akan diberikan kepada mereka yang layak sahaja dan dalam tempoh 12 bulan.

9. Bantuan kewangan sebanyak RM 500 untuk OKU dilihat adalah suatu perkara yang sangat bagus bagi membela nasib golongan ini yang telah kehilangan pekerjaan dan pendapatan utama mereka.
10. Di bawah inisiatif kerajaan Selangor ini, Kerajaan Negeri memberikan subsidi sebanyak RM40 untuk penduduk mendapatkan semua barang ini. Rakyat hanya perlu menambah RM20 sahaja untuk mendapatkan barang keperluan asas dan ianya sangat berbaloi.
11. Inisiatif sumbangan bakul makanan ini sangat membantu rakyat dalam pandemic COVID-19 ini. Setiap bakul bernilai RM120 itu mengandungi beras, minyak masak, gula, tepung, sardin, ubi kentang, bawang, rempah ratus dan barang kering lain. Selain sumbangan daripada syarikat korporat LZS turut memperuntuk sebanyak 26,350 bakul makanan melalui inisiatif bantuan Zakat Selangor Peduli untuk golongan yang terjejas termasuk asnaf.
12. Pembukaan semula sektor pelancongan dengan Langkawi sebagai sektor pelancongan pertama yang dibuka memberi peluang kepada pengangkutan udara terutama perjalanan domestik untuk dibuka semula. Bekas Pengarah Operasi Penerbangan Malaysia Airlines berkata, kerajaan perlu memberi notis pembukaan lebih awal supaya syarikat penerbangan dapat menyediakan garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) yang jelas untuk perjalanan tersebut.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Pembukaan semula sektor pelancongan memberi peluang kepada pengangkutan udara terutamanya perjalanan domestik dibuka semula. Pembukaan ini akan memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan bagi sektor pengangkutan penumpang udara. Jangkaan peningkatan ini akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) pada suku tahun ketiga 2021 dan Indeks Harga Penguna September 2021 terutamanya bagi subkumpulan Pengangkutan awam menggunakan laluan udara.

3. Naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) jadi lapangan terbang antarabangsa sepenuhnya pada 2024 akan memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan bagi sektor pengangkutan penumpang udara. Jangkaan peningkatan ini akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) pada tahun 2024.
4. Peningkatan harga gas asli akan memberi impak kepada prestasi keseluruhan Indeks Harga Pengeluar (IHPr) pengeluaran tempatan pada September 2021. Pada Julai 2021, indeks bagi komoditi ini meningkat 29.9 peratus berbanding negatif 22.6 peratus pada tahun yang sama tahun lepas. Manakala, bagi perbandingan bulan ke bulan, komoditi ini kekal berada di wilayah positif selama lapan bulan berturut-turut (Julai 2021: 5.1%).
5. Prestasi harga komoditi makanan global dilaporkan oleh FAO adalah salah satu indikator utama yang boleh menyokong kepada prestasi IHPr pengeluaran tempatan terutama di sektor A (Pertanian, perhutanan dan perikanan). IHPr pengeluaran tempatan bagi sektor ini dijangka akan mengalami trend yang sama seperti yang dilaporkan oleh FAO, namun tertakluk kepada prestasi harga bagi komoditi Buah Tandan Segar berikut komoditi ini mempunyai sumbangan besar dalam menentukan prestasi keseluruhan IHPr pengeluaran tempatan.
6. Harga minyak mentah yang jatuh akan memberi kesan kepada prestasi IHPr pengeluaran tempatan kerana minyak mentah adalah komoditi utama yang memberi sumbangan tinggi kepada prestasi keseluruhan IHPr pengeluaran tempatan.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 04 September 2021 (<i>Non-Essential</i>)	COVID-19: Hampir separuh kes baharu belum divaksin Sebanyak 44.8 peratus atau 8,544 kes daripada jumlah keseluruhan 19,057 kes baharu COVID-19 yang dilaporkan pada 04 September 2021, didapati tiada sejarah vaksinasi COVID-19.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859908/covid-19-hampir-separuh-kes-baharu-belum-divaksin

		Sejumlah 4,393 kes atau 23.1 peratus daripada kes yang dilaporkan pada 04 September 2021 menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 atau kurang 14 hari dari tarikh dos kedua.	
2.	Berita Harian 03 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>COVID-19: Isu lambakan mayat warga asing sedang ditangani - Menteri Kesihatan</p> <p>Isu lambakan mayat warga asing mangsa COVID-19 yang tidak dituntut waris, akan cuba diselesaikan secepat mungkin. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sedang berusaha menghubungi waris mangsa terbabit melalui kedutaan asing dan Wisma Putra.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859443/covid-19-isu-lambakan-mayat-warga-asing-sedang-ditangani-menteri

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan rekod pada 04 September 2021, Sebanyak 6,120 kes atau 32.1 peratus daripada kes positif COVID-19 yang dilaporkan hari ini mempunyai sejarah vaksinasi lengkap dan sebahagian besar daripada mereka berada pada kategori satu iaitu tidak bergejala dan kategori dua bergejala ringan. Selain itu, Malaysia sekali lagi mencatatkan kes kematian antara yang tertinggi iaitu 362 kes yang membabitkan 104 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Kes kematian tertinggi pernah dilaporkan pada 26 Ogos lalu iaitu 393 kes. Berdasarkan 104 kes BID di negara ini, 69 merupakan warganegara dan 35 warga asing. Kes kematian hari ini membabitkan 304 warganegara dan 58 warga asing, menjadikan jumlah angka korban di negara ini 17,883 kes bersamaan 0.98 peratus daripada keseluruhan kes.
2. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sedang berusaha menghubungi waris mangsa terbabit melalui kedutaan asing dan Wisma Putra. Antara langkah penyelesaian dipertimbangkan ialah menghantar jenazah atau mayat mangsa pulang ke negara asal, selain dikebumikan di Malaysia. Di mana, JKJAV juga sedang berusaha menghubungi waris mereka melalui kedutaan asing supaya proses penghantaran pulang jenazah atau mayat. Justeru, JKJAV bekerjasama

dengan Wisma Putra dan kedutaan asing untuk mengesan waris kepada rakyat asing yang terkorban di Malaysia. Statistik Kementerian Kesihatan mencatat kira-kira 2,000 daripada 16,942 kematian akibat COVID-19, setakat 01 September 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak **44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus** berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan; dan
- Sebanyak **3,898 kematian akibat COVID-19** direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2%. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4% (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 3 September 2021 (Non-Essential)	Pelajar umur 13 hingga 17 tahun perlu divaksin Pakar kesihatan awam berpandangan pelajar berusia 13	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/750397/pelajar-umur-13-hingga-17-tahun-perlu-divaksin

		<p>hingga 17 tahun perlu diberikan imunisasi lengkap COVID-19 sebelum dibenarkan kembali ke sekolah secara fizikal.</p> <p>Imunisasi itu perlu diberikan disamping meneruskan pematuhan pemakaian prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan amalan membasuh tangan.</p>	
2.	Berita Harian 4 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Guru tak divaksin tetap perlu ke sekolah, buat tugas lain</p> <p>Guru yang belum atau enggan menerima vaksin COVID-19 tetap perlu ke sekolah seperti biasa dan melakukan tugasan kecuali mengajar secara bersemuka.</p> <p>Guru-guru ini hanya tidak dibenarkan mengajar secara bersemuka dalam kelas, tetapi mereka akan diberi tugas lain di sekolah kerana banyak lagi tugas yang perlu dilakukan.</p> <p>Tindakan dan pendekatan selanjutnya terhadap mereka yang enggan menerima pelalian berkenaan sedang dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859713/guru-tak-divaksin-tetap-perlu-ke-sekolah-buat-tugas-lain
3.	Harian Metro 4 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>27 bayi antara 2,404 kes baharu di Sabah</p> <p>Dua puluh tujuh bayi berusia di bawah setahun adalah antara 2,404 kes positif baharu COVID-19 yang dikesan di Sabah hari ini</p>	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/09/750660/27-bayi-antara-2404-kes-baharu-di-sabah

		<p>menjadikan jumlah kumulatif wabak itu meningkat kepada 155,006 kes.</p> <p>Seramai 183 orang adalah kanak-kanak berusia antara satu hingga lima tahun, manakala 455 berusia lingkungan enam hingga 17 tahun.</p>	
4.	Berita Harian 5 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>COVID-19: Remaja Sarawak mula divaksin Rabu</p> <p>Proses vaksinasi remaja di Sarawak dijangka bermula Rabu ini. Remaja berusia 18 tahun ke bawah bakal menerima suntikan vaksin COVID-19 seawal minggu hadapan, dimulakan di Sarawak susulan kelancaran pemberian vaksin di negeri ini yang sudah mencapai kadar sasaran lebih 80 peratus populasi dewasa divaksin.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860166/covid-19-remaja-sarawak-mula-divaksin-rabu
5.	Harian Metro 5 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Kes rogol meningkat ketika pandemik COVID-19, PKP</p> <p>Jenayah rogol dan sumbang mahram antara kes yang menunjukkan peningkatan ketika pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Kelantan. Sebanyak 65 kes dilaporkan dari Januari hingga Julai berbanding 54 kes dalam tempoh sama, tahun lalu.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/751288/kes-rogol-meningkat-ketika-pandemik-covid-19-pkp-metrotv

Penemuan penting & isu:

1. Pelajar berusia 13 hingga 17 tahun perlu diberikan imunisasi lengkap COVID-19 sebelum dibenarkan kembali ke sekolah secara fizikal.
2. Guru yang belum atau enggan menerima vaksin COVID-19 tetap perlu hadir ke sekolah tetapi tidak dibenarkan mengajar secara bersemuka dalam kelas. Walau bagaimanapun mereka akan diberi tugas lain di sekolah.
3. Sebanyak 27 bayi berusia di bawah setahun, 183 orang kanak-kanak berusia antara satu hingga lima tahun dan 455 kanak-kanak berusia enam hingga 17 tahun adalah antara 2,404 kes positif baharu COVID-19 yang dikesan di Sabah hari ini, 4 September 2021.
4. Jenayah rogol dan sumbang mahram antara kes yang menunjukkan peningkatan ketika pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Kelantan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Para guru haruslah divaksin sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak terutamanya murid. Selain itu, pemberian vaksin COVID-19 kepada pelajar berusia 13 hingga 17 tahun adalah antara langkah bagi membendung penularan wabak COVID-19 apabila pembukaan semula sekolah nanti. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.
2. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Oleh itu, pemberian vaksin kepada golongan berusia 18 tahun ke bawah adalah antara inisiatif kerajaan untuk melindung golongan tersebut daripada jangkitan virus COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah di Sabah dan Sarawak adalah:

	Lima tahun ke bawah	18 tahun ke bawah
Sabah	296.0 ribu	1,150.2 ribu
Sarawak	187.1 ribu	773.7 ribu

3. Ibu bapa diharapkan supaya lebih peka dan prihatin kepada anak-anak perempuan terutamanya ketika pandemik, bagi mengelakkan berlakunya kejadian kes rogol. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kes rogol di Kelantan pada 2019 adalah sebanyak 73 kes.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 02 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lambakan cempedak di Teluk Intan</p> <p>Pendapatan kira-kira 60 orang pekebun di Teluk Intan terjejas akibat lambakan buah cempedak. Harga borong cempedak jatuh kepada RM1.60 sekilo berbanding RM3.00 sekilo sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesan daripada sekatan perjalanan rentas negeri, peraih dari Kuala Lumpur, Selangor dan dari utara tidak dapat datang dan membeli buah cempedak seperti kebiasaannya.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/lambakan-cempedak-di-teluk-intan/
2.	BERNAMA 02 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kerajaan Terengganu bantuan input pertanian kepada pertani</p> <p>Kerajaan Terengganu menyalurkan bantuan input pertanian bernilai RM650,000 kepada 272 petani di Terengganu. RM300,000 daripada jumlah tersebut disalurkan kepada 227 penanam cili manakala bakinya merupakan bantuan pam air kepada petani tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan singkat masa. Input pertanian yang diberikan berupa benih, cocopeat (gambut kelapa), baja fertigasi dan baja foliar (baja daun) bernilai RM1,000 hingga</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1999043

		RM2,000 seorang bergantung kepada bilangan polibeg. Dianggarkan kerugian keseluruhan petani cili enam bulan pertama tahun ini berjumlah RM2.2juta akibat kejatuhan harga cili kepada RM5 sekilogram pada ketika itu. Bagaimanapun kini, harga cili kulai kembali meningkat kepada RM10 hingga RM12 sekilogram bagi harga ladang.	
3.	Berita Harian 03 September 2021 <i>(Essential)</i>	MARDI saran Gelembung Keusahawanan bantu pengusaha terjejas Gelembung keusahawanan wajar diwujud bagi memudahkan urusan kursus dan latihan dibuat secara fizikal, sebagai antara kaedah membantu pengusaha industri pertanian yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kursus penghasilan produk hiliran tidak praktikal dijalankan secara dalam talian.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859492/mardi-saran-gelembung-keusahawanan-bantu-pengusaha-terjejas
4.	Berita Harian 03 September 2021 <i>(Essential)</i>	LKIM setuju beli 8 tan ikan patin, elak lambakan di Pahang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menerusi 27 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) di Pahang mengambil kira-kira 8.1 tan ikan patin yang sukar dijual akibat Perintah Kawalan Pergerakan untuk disejuk bekukan. Bagi usahawan di bawah LKIM Pahang, terdapat 27 CCDC iaitu di Pekan (4), Kuantan (2), Bera (6), Temerloh (12), Bentong (1), dan Mara (2). kapasiti 27 CCDC sebanyak 20	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/859475/lkim-setuju-beli-8-tan-ikan-patin-elak-lambakan-di-pahang

		<p>tan metrik dan masa sama turut boleh menampung 8.1 tan metrik. Pengeluaran kasar ikan patin Pahang adalah 35.2 tan metrik sebulan. Penurunan permintaan akibat PKP turut menyebabkan lambakan udang harimau seberat 15,000 kilogram (kg) bernilai RM450,000 di Melaka. Hasil ternakan sebanyak 16,000 tan metrik dimiliki Persatuan Nelayan Negeri akan dapat diselesaikan dalam tempoh satu bulan menerusi jualan dalam talian yang diusahakan bersama oleh persatuan nelayan dan nelayan melalui ersatuhan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) serta persatuan lain di seluruh negara.</p>	
5.	Sinar Harian 04 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penurunan permintaan punca lambakan udang harimau, patin sangkar</p> <p>Bagi menangani isu membabitkan udang harimau, LKIM menawarkan langkah jangka pendek bagi membantu memasarkannya. Langkah pertama adalah mengadakan rundingan dengan kilang memproses udang di Johor Bahru. Hasil rundingan tersebut, A&O Food Industry bersetuju untuk membeli sebanyak dua tan udang bagi setiap satu kali pengambilan secara berperingkat. Udang tersebut akan disejuk beku untuk pasaran luar negeri dan udang segar akan dihantar ke Singapura. Selain itu, LKIM juga mencari ruang pasaran tempatan di Selangor dan Terengganu yang mendapat</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/159497/EDISI/Penurunan-permintaan-punca-lambakan-udang-harimau-patin-sangkar?utm_source=Telegram&utm_medium=Telegram&utm_campaign=Penurunan+permintaan+punca+lambakan+udang+harimau,+patin+sangkar

		maklum balas yang memberangsangkan daripada pelanggan. Langkah terakhir adalah membuat pemasaran secara terus melalui platform sedia ada seperti kerjasama yang dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) bagi pasaran dalam talian, cash on delivery (COD) dan peniaga runcit individu.	
6.	Sinar Harian 05 September 2021 (Essential)	<p>Lubuk penagih jadi kolam air tawar</p> <p>Sekumpulan 15 sahabat dari Felda Bukit Bading mengusahakan projek ternakan ikan air tawar di lokasi yang dahulunya merupakan tumpuan penagih dadah melepaskan gian. Setakat ini, mereka telahpun mempunyai sembilan sangkar ternakan ikan air tawar dengan kos sebanyak RM12,000. Projek ini turut menarik perhatian Ahli Parlimen Hulu Terengganu dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil yang turut memberikan bantuan kewangan. Walaupun tiada kemahiran dalam bidang ternakan ikan air tawar, mereka nekad mengusahakan projek ini bagi mencari pendapatan sampingan untuk menampung perbelanjaan bulanan keluarga.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/159726/EDISI/Lubuk-penagih-jadi-kolam-air-tawar
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> Peningkatan pengeluaran buah cempedak yang tinggi berikutan musim buah tersebut semasa perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan lambakan buah cempedak. Pendapatan pekebun di Teluk Intan terjejas akibat lambakan buah cempedak. Harga borong cempedak jatuh kepada RM1.60 sekilogram berbanding RM3.00 sekilogram sebelum PKP. 			

Kesan daripada sekatan perjalanan rentas negeri, peraih dari Kuala Lumpur, Selangor dan dari utara menyebabkan buah-buahan tidak terjual. Setakat ini, hampir 400 hingga 500 kilogram buah yang rosak terpaksa dibuang begitu saja sebab tidak dapat dijual.

2. Bantuan input pertanian bernilai RM650,000 diagihkan kepada 272 petani di Terengganu. RM300,000 daripada jumlah tersebut disalurkan kepada 227 penanam cili manakala bakinya merupakan bantuan pam air kepada petani tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan singkat masa. Input pertanian yang diberikan berupa benih, cocopeat (gambut kelapa), baja fertigasi dan baja foliar (baja daun) bernilai RM1,000 hingga RM2,000 seorang bergantung kepada bilangan polibeg. Dianggarkan kerugian keseluruhan petani cili enam bulan pertama tahun ini berjumlah RM2.2juta akibat kejatuhan harga cili kepada RM5 sekilogram pada ketika itu. Bagaimanapun kini, harga cili kulai kembali meningkat kepada RM10 hingga RM12 sekilogram bagi harga ladang.
3. Gelembung latihan keusahawanan wajar diwujud bagi memudahkan urusan kursus dan latihan dibuat secara fizikal, sebagai antara kaedah membantu pengusaha industri pertanian yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kursus penghasilan produk hiliran tidak praktikal dijalankan secara dalam talian.
4. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menerusi Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) di Pahang mengambil kira-kira 8.1 tan ikan patin yang sukar dijual akibat Perintah Kawalan Pergerakan untuk disejuk bekukan. CCDC tersebut beroperasi di Pekan (4), Kuantan (2), Bera (6), Temerloh (12), Bentong (1), dan Mara (2). Kapasiti 27 CCDC adalah sebanyak 20 tan metrik dan masa sama turut boleh menampung 8.1 tan metrik. Pengeluaran kasar ikan patin Pahang adalah 35.2 tan metrik sebulan. Penurunan permintaan akibat PKP turut menyebabkan lambakan udang harimau seberat 15,000 kilogram bernilai RM450,000 di Melaka. Hasil ternakan sebanyak 16,000 tan metrik dimiliki Persatuan Nelayan Negeri akan dapat diselesaikan dalam tempoh satu bulan menerusi jualan dalam talian yang diusahakan bersama oleh persatuan nelayan dan nelayan melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) serta persatuan lain di seluruh negara.
5. Bagi menangani isu membabitkan udang harimau, LKIM telah menawarkan tiga langkah jangka pendek iaitu mengadakan rundingan dengan kilang memproses udang di Johor Bahru, mencari ruang pasaran tempatan di Selangor dan membuat pemasaran secara terus melalui platform sedia ada seperti kerjasama yang dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) bagi pasaran dalam talian, cash on delivery (COD) dan peniaga runcit individu. Hasil rundingan LKIM dan kilang memproses

udang di Johor Bahru, A&O Food Industry bersetuju untuk membeli sebanyak dua tan udang bagi setiap satu kali pengambilan secara berperingkat. Udang tersebut akan disejuk beku untuk pasaran luar negeri dan udang segar akan dihantar ke Singapura.

6. Sekumpulan 15 sahabat dari Felda Bukit Bading mengusahakan sembilan sangkar ternakan ikan air tawar dengan kos sebanyak RM12,000. Projek ini turut menarik perhatian Ahli Parlimen Hulu Terengganu dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil yang turut memberikan bantuan kewangan. Ahli Parlimen Hulu Terengganu telah menyalurkan RM5,000 untuk projek ini dan telah melepaskan melepaskan 6,000 benih tilapia dan 3,000 benih patin di kolam ternakan tersebut. Walaupun tiada kemahiran dalam bidang ternakan ikan air tawar, mereka nekad mengusahakan projek ini bagi mencari pendapatan sampingan untuk menampung perbelanjaan bulanan keluarga yang kebanyakannya bekerja sendiri dan terjejas pendapatan terjejas sejak pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekatan perjalanan rentas negeri telah memberi kesan kepada penjualan hasil pertanian yang tidak dapat dipasarkan secara meluas. Ini akan menyebabkan berlaku lambakan dan kerugian kepada pengeluaran pertanian. Walau bagaimanapun, usaha agensi kerajaan dalam membantu memasarkan item pertanian dapat membantu mengurangkan lambalan serta kadar kerugian kepada petani dan penternak akuakultur.
2. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha pertanian dapat membantu dalam meningkatkan jumlah pengeluaran pertanian negara serta memastikan jaminan bekalan makanan negara pada masa hadapan. Merujuk kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) 2016-2020, pada 2020, pengeluaran cili adalah sebanyak 28,264.4 tan metrik dengan kadar sara diri pada 30.9 peratus. Pada masa sama, pengeluaran ikan tilapia adalah sebanyak 33,917.6 tan metrik dengan kadar sara diri 99.9 peratus.
3. Pelaksanaan PPN juga telah menganggu rantaian akuakultur negara kerana hasil ternakan tidak dapat dipasarkan lebih meluas. Berdasarkan penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) 2016-2020, pengeluaran udang pada 2020 adalah sebanyak 156,210.2 tan metrik.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 6 September 2021 (Non-Essential)	<p>SOCSO has disbursed over RM18b to stabilise labour market during pandemic - CEO</p> <p>The Social Security Organisation (SOCSO) has successfully disbursed more than RM18 billion in wage subsidies, job search allowances and hiring incentives through seven stimulus packages.</p> <p>SOCSO has built a three-pronged strategy, which starts with retention through the Wage Subsidy Programme, relief through enhanced and extended job search allowances and finally recovery through the Hiring Incentive Programme.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/socso-has-disbursed-over-rm18b-stabilise-labour-market-during-pandemic-%E2%80%94-ceo
2.	The Edge Market 5 September 2021 (Essential)	<p>Only those fully vaccinated allowed to work in Johor manufacturing sector</p> <p>Only individuals who have completed the 28-day or 14-day window after one-dose or two-dose vaccination respectively will be allowed to work in the manufacturing sector in Johor.</p> <p>Based on Phase 1 standard operating procedures (SOP) for the National Recovery Plan (PPN) released by the National Security Council (MKN) applicable beginning Aug 20 and updated on</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/only-those-fully-vaccinated-allowed-work-johor-manufacturing-sector

		Sept 3, the manufacturing sector is only allowed to operate after all their workers have been fully vaccinated.	
3.	The Edge Market 3 September 2021 (Non-Essential)	<p>CCMC recommends opening more economic sectors in Kuala Lumpur, Putrajaya — Shahidan</p> <p>The Federal Territories COVID-19 Coordination and Management Centre (CCMC) will recommend the opening of more economic sectors in the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya to the National Security Council (MKN). The recommendation is to prepare both the Federal Territories to move into Phase 2 of the National Recovery Plan (NRP) and further revitalise the economic sectors which have been hit hard by the COVID-19 pandemic.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/ccmc-recommends-opening-more-economic-sectors-kuala-lumpur-putrajaya-%E2%80%94-shahidan

Penemuan penting & isu:

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah membayar lebih RM18 bilion dalam bentuk subsidi upah dan elaun pencarian pekerjaan menerusi insentif yang disediakan di bawah tujuh pakej rangsangan. PERKESO telah membangun strategi tiga serangkai bermula pengekalan melalui Program Subsidi Upah, pelepasan melalui elaun mencari pekerjaan yang dilanjutkan dan Program Insentif Pengambilan Pekerjaan.
2. Hanya individu yang telah lengkap vaksinasi selepas hari ke-14 untuk penerima vaksin COVID-19 dua dos atau 28 hari untuk penerima satu dos suntikan akan dibenarkan bekerja di sektor pembuatan di Johor. Berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara yang berkuat kuasa di Johor di bawah Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diguna pakai bermula 20 Ogos dan telah dikemas kini pada 3 September, sektor pembuatan adalah dibenarkan beroperasi mengikut kadar vaksinasi lengkap pekerja.

3. Pusat Penyelarasan dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan (CCMC) akan mencadangkan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN). Cadangan berkenaan adalah bagi persediaan untuk beralih ke Fasa 2 PPN dan seterusnya merancakkan semula sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Sorotan Pasaran Buruh ST2 2021, situasi pasaran buruh Malaysia pada ST2 2021 bertambah baik berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya iaitu semasa impak COVID-19 pertama kali dirasai di negara ini. Namun, keadaan COVID-19 yang berlarutan dan tidak menentu telah mendorong kepada keperluan untuk pelaksanaan langkah kawalan yang bersesuaian. Oleh kerana cabaran berikut prosedur yang lebih ketat pada ST2 2021 berbanding fasa pemulihan pada ST1 2021, momentum pemulihan pasaran buruh dari suku sebelumnya tidak berterusan. Bilangan tenaga buruh menurun susulan pengurangan marginal bilangan guna tenaga dan pengangguran. Kadar pengangguran kekal selama tiga suku berturut-turut dan masih belum menunjukkan tandanya penurunan ke tahap pra-pandemik. Jumlah jam bekerja terus menurun setelah pengurangan marginal suku ke suku pada ST1 2020. Dari segi permintaan buruh mengikut sektor ekonomi, walaupun terdapat peningkatan kecil dalam bilangan kekosongan jawatan, bilangan jawatan berkurang disebabkan oleh penurunan jawatan yang diisi.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Jun 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,066.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,297.5 ribu
 - iii) Penganggur: 768.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,456.8 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
- i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)